

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

SAU204 - Masyarakat Tani

Tarikh: 27 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 jam)

Jawab Bahagian A dan TIGA (3) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A (25%)

Jawab SEMUA soalan dalam bahagian ini.

1. Eric Wolf membezakan tani dari pencucuk tanam primitif berdasarkan penghasilan _____
(2 markah)
2. Menurut Wolf, dilema tani ialah: (sila pilih jawapan yang paling sesuai)
 - i. Kemiskinan
 - ii. Imbangan di antara tuntutan dari pihak atasan dan keperluan keluarga mereka
 - iii. Imbangan di antara tabung perayaan dan tabung gantian
 - iv. Imbangan di antara hasil penggunaan sendiri dan hasil untuk pasaran
(2 markah)
3. Yang mana satu di bawah merupakan penentu utama pengeluaran isirumah tani bagi Chayanov:
 - i. Kadar keuntungan
 - ii. Keluasan tanah
 - iii. Komposisi isirumah
 - iv. Kadar sewa tanah
(2 markah)

... 2/-

(SAU 204)

4. Bagi Chayanov, pengeluaran isirumah dihitung berdasarkan yang mana satu di bawah:

- i. Harga hasil
- ii. Kos tenaga buruh
- iii. Kadar hasil se hektar tanah
- iv. Bilangan pengguna dan pekerja

Secara ringkas, berikan huraian lanjutan untuk jawapan anda.

(5 markah)

5. Dalam analisis Chayanov dan mereka yang sealiran dengannya, perkembangan kegiatan ekonomi isirumah tani disebabkan oleh yang mana satu di bawah:

- i. Permintaan untuk hasil pertanian
- ii. Kemungkinan memperolehi tanah
- iii. Putaran hidup keluarga
- iv. Perkembangan teknologi

Secara ringkas berikan huraian lanjutan untuk jawapan anda.

(5 markah)

6. Menurut Chayanov, terdapatnya satu batasan atasan terhadap perkembangan ekonomi isirumah tani, ia itu ekonomi isirumah tani tidak mungkin berkembang sehingga menjadi satu pengusahaan skel besar atau satu pengusahaan kapitalis. Secara ringkas, jelaskan mengapa terdapatnya batasan ini.

(5 markah)

7. Menurut Ward, bilangan pembeli hasil tani di peringkat pemasaran pertama adalah _____

(2 markah)

8. Bagi Scott, petani miskin bertindak berdasarkan prinsip _____

(2 markah)

...3/-

(SAU 204)

Bahagian B (75%)

Jawab **TIGA (3)** soalan dalam bahagian ini.

1. Sikap petani merupakan halangan utama kepada kemajuan mereka. Huraikan dengan rujukan kepada fakta-fakta yang berkenaan.
2. Berasaskan kepada jadual di bawah, jawab soalan-soalan yang berikut:
 - (a) Adakah jadual ini menggambarkan tuntutan seorang sarjana tempatan bahawa tanah dalam lingkungan saiz kurang dari 10 ekar merupakan kategori tanah yang mengalami peratus pemecahan yang paling tinggi dan tanah yang besar saiznya mengalami kurang sekali pemecahan? Jelaskan.
 - (b) Adakah jadual ini menunjukkan bahawa masalah utama ialah pemecahan tanah? Jelaskan.
 - (c) Jika hujah Chayanov adalah betul, apakah boleh anda ramalkan tentang perkaitan di antara saiz keluarga dan bilangan keping tanah dalam sebuah ladang? Huraikan.
 - (d) Cadangkan hipotesis yang boleh menjelaskan pola taburan yang terdapat dalam jadual ini. Huraikan.

Bilangan keping tanah bagi sesebuah ladang
menurut saiz ladang

Saiz tanah (ekar)	1	2	3	4	5-9	10+	Jumlah
bawah 1	36,412	4,500	480	140	20	0	41,552 (10.2)
1 - 2.99	89,291	39,118	11,802	3,922	2,942	140	147,215 (36.0)
3 - 4.99	33,806	31,164	16,212	5,886	4,144	260	91,472 (22.4)
5 - 9.99	20,220	29,358	22,780	10,468	7,156	446	90,428 (22.1)
10 - 14.99	2,662	5,166	6,292	4,524	5,190	148	23,982 (5.9)
lebih 15	788	1,528	2,450	2,580	5,632	880	13,858 (3.4)
Jumlah	183,179 (44.8)	110,834 (27.1)	60,016 (14.7)	27,520 (6.7)	25,084 (6.1)	1,874 (0.5)	408,507 (100.0)

(angka) = peratus

... 4/-

(SAU 204)

3. "Kesulitan dengan konsep-konsep tentang eksplotasi yang ditetapkan secara deduktif itu jarang memberikan suatu hubungan konsepsial antara pengertian yang a priori tentang eksplotasi dan perasaan-perasaan subjektif dari yang dieksplotasi" (Scott).
- (a) Apakah maksud Scott dalam komen ini? Berikan satu contoh untuk menggambarkan jawapan anda.
- (b) Dalam menilaikan perbezaan di antara seorang tuantanah yang mengambil sepertiga bahagian dan seorang tuantanah yang mengambil sembilan persepuhl bahagian dari hasil petani sebagai sewa, adakah "perasaan-perasaan subjektif" itu harus diberi keutamaan berbanding dengan pendekatan yang melihat eksplotasi sebagai satu tata hubungan objektif? Mengapa? Dalam contoh seperti ini, apakah keadaan yang mungkin akan membawa kepada perbezaan di antara perasaan subjektif dan penilaian objektif?
4. Apakah bentuk pembezaan yang digambarkan oleh jadual di bawah? Kemukakan hujah anda dan sebutkan segala andaian yang anda gunakan bersama dengan alasan-asalan untuknya. Apakah maklumat-maklumat tambahan yang boleh meningkatkan keyakinan terhadap hujah anda?

§ Petani Mengikut Misbah Pengguna-Pekerja, Umur dan Saiz Bendang

Misbah Pengguna-Pekerja

Saiz Bendang (dalam selong)	< 2			2.0-2.9			≥ 3		
	Umur Responden								
	<30thn	30-49	≥50	<30	30-49	≥50	<30	30-49	≥50
(3	42.31	35.00	33.16	32.26	28.77	27.68	25.01	25.08	24.74
3-5.9	34.62	29.99	29.14	43.54	29.22	28.57	36.11	29.49	32.99
6-8.9	11.54	12.50	22.12	8.07	18.27	20.53	25.00	19.66	15.45
≥9	11.54	22.50	15.58	16.13	23.74	23.22	13.89	25.77	26.00
Saiz Purata (rel)	4.77	6.05	5.60	4.90	6.22	6.08	4.98	6.86	7.12

(SAU 204)

5. Berpandu kepada rancangan Revolusi Hijau, sila terangkan:

- (a) Apakah faktor-faktor yang menentukan pengagihan faedah-faedah sesuatu rancangan?
- (b) Adakah rancangan itu semestinya memburukkan lagi jurang di antara yang kaya dengan yang miskin, seperti yang dihujah oleh setengah sarjana?
- (c) Apakah kesannya rancangan itu untuk perhubungan di antara sektor ekonomi tani dengan sektor-sektor ekonomi lain?

- oo oo oo -

